

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA**

**PROFESOR DATUK TS. DR. SHAHRIN BIN SAHIB @  
SAHIBUDDIN**

**NAIB CANSOLOR**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

**SEMPENA**

**MINISTERIAL TALK SERIES**

**YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL  
MENTERI DALAM NEGERI**

**16 JANUARI 2025  
DEWAN KONSERT**

**UiTM SHAH ALAM**

**Bismillahirrahmanirrahim.**

**Alhamdulillahilahi rabbil alamin,**

**Wassolatuwassalamu ala ashrafil anbiya iwar mursolin waala alihi  
wasahbihi ajmain.**

**[Salutasi-Kemas kini berdasarkan kehadiran]**

- **Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail,  
Menteri Dalam Negeri,**
- **Barisan Pengurusan Tertinggi UiTM,**
- **Dif-dif kehormat, dan para hadirin yang dihormati  
sekalian.**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam**

**Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam **Program Ministerial Talk Series** pada hari ini.
2. Pada kesempatan ini, saya mewakili UiTM mengucapkan selamat datang kepada Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, ke Universiti Teknologi MARA (UiTM). Kehadiran YB Datuk Seri amat bermakna dalam usaha kita mengukuhkan kerjasama antara institusi pendidikan dan Kementerian Dalam Negeri.
3. 'Ministerial Talk Series' anjuran Pusat Pengajian Perangsaraf Media dan Informasi (CMIWS) ini, bukan sahaja memberi peluang kepada warga UiTM untuk mendengar pandangan dan wawasan pemimpin negara, tetapi juga menyediakan ruang untuk bertukar idea dan membincangkan isu-isu strategik yang relevan.

4. Melalui inisiatif ini, UiTM berharap untuk memupuk dialog konstruktif yang mampu merangka pelan tindakan bersama antara universiti dan kementerian dalam usaha memperkukuhkan agenda keselamatan, pembangunan modal insan, dan inovasi dalam pengurusan keselamatan negara. Di samping itu, acara ini juga menjadi peluang bagi UiTM untuk mengetengahkan keupayaan akademiknya dalam menyokong kementerian dan agensi kerajaan melalui penyelidikan serta penglibatan aktif dengan pelbagai pihak berkepentingan.

**Hadirin sekalian,**

3. UiTM sebagai universiti awam terbesar di Malaysia sentiasa komited untuk memartabatkan pendidikan tinggi dan pembangunan masyarakat. Sejak penubuhannya, UiTM telah menjadi pemangkin kepada transformasi sosial dan ekonomi negara.

4. Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, sebagai salah sebuah fakulti terawal UiTM, telah menjangkau lebih 50

tahun sejak penubuhannya. Sepanjang lima dekad, fakulti ini telah melahirkan ribuan graduan yang berkemahiran tinggi dalam bidang komunikasi dan media, meliputi kewartawanan, perhubungan awam, penyiaran, media digital dan banyak lagi. Fakulti ini juga terus menjadi peneraju dalam inovasi akademik dengan memperkenalkan program-program baharu yang relevan dengan keperluan industri komunikasi dan media massa kini.

5. Justeru, UiTM bukan sekadar sebuah institusi pendidikan, malah sebuah institusi yang memainkan peranan penting dalam mendukung hasrat negara untuk mencapai pembangunan yang mampan dan inklusif.

6. Dalam konteks ini, kerjasama strategik dengan kementerian seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN) menjadi amat signifikan. Sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dalam negeri, ketenteraman awam, dan pembangunan

masyarakat, KDN memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan kestabilan dan kemakmuran negara.

7. Sehubungan dengan itu, Pusat Pengajian Perang Saraf Media dan Informasi bersedia menawarkan kepakaran dalam bidang komunikasi strategik, analisis perisikan media, dan pengurusan krisis. Melalui penyelidikan dan pembangunan, CMIWS dapat membantu KDN dalam menangani cabaran moden seperti propaganda digital, keselamatan maklumat, dan pengurusan naratif bagi memperkukuhkan kestabilan negara. Pastinya, kerjasama ini bukan sahaja memberi manfaat kepada KDN tetapi juga menyediakan peluang kepada UiTM untuk menjadi hab utama dalam pengurusan perang saraf dan keselamatan media pada peringkat nasional dan antarabangsa.

8. UiTM, dengan sejarahnya yang panjang dan prestij akademik, memahami bahawa keselamatan dalam

negeri tidak hanya berkisar tentang penguatkuasaan undang-undang tetapi juga pembangunan modal insan yang kompeten. Kami percaya bahawa kerjasama erat dengan KDN dapat membuka peluang untuk:

- o Melaksanakan **penyelidikan multidisiplin** yang memanfaatkan teknologi terkini.
- o Memperkenalkan **program latihan berstruktur** yang relevan dengan keperluan agensi keselamatan dan masyarakat.
- o Menyediakan **peluang latihan industri dan program mobiliti** pelajar dan staf akademik agar lebih bersedia menyumbang kepada sektor keselamatan negara.

7. Melalui kolaborasi ini, UiTM mampu membantu KDN memperkukuhkan peranan mereka melalui pendekatan inovatif dan lestari. Sebagai contoh:

- o Pembangunan sistem pintar bagi membantu pihak berkuasa menguruskan data besar yang berkaitan dengan keselamatan.

- o Mencadangkan penyelesaian teknikal untuk mempertingkatkan kawalan sempadan serta pemantauan risiko keselamatan.
- o Membantu dalam pembentukan strategi komunikasi bagi menangani ancaman maklumat palsu dan propaganda digital.

8. Ministerial Talk Series yang diadakan hari ini, dengan tema " Madani Sedang Direalisasi, Dekad Baharu Malaysia," adalah peluang terbaik untuk memperkukuhkan pemahaman tentang keperluan negara dalam aspek keselamatan. UiTM, sebagai institusi pendidikan tinggi yang progresif, tidak hanya mahu menjadi penerima manfaat, tetapi juga rakan kongsi strategik yang aktif dalam menyumbang kepada kestabilan negara.

9. UiTM juga berharap dapat memainkan peranan yang penting dalam mendukung Malaysia semasa menjadi Pengerusi Persidangan Dwi Tahunan ASEAN

Chairmanship 2025. UiTM bersedia untuk memberi sumbangan yang signifikan dalam aspek pembangunan keselamatan, ekonomi, dan sosiobudaya melalui inisiatif penyelidikan dan pendidikan yang relevan. Insya-Allah.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail atas kesudian berkongsi pandangan bernas dan wawasan beliau.
  
12. Terima kasih juga kepada seluruh jawatankuasa penganjur yang telah bekerja keras menjayakan majlis pada hari ini. Saya percaya usaha ini adalah permulaan kepada kolaborasi yang lebih erat dan dinamik antara UiTM dan KDN.
  
13. Sebagai penutup, izinkan saya berkongsi serangkap pantun:

*Bunga mawar di tepi jendela,  
Hadir menghiasi di laman permai,  
UiTM dan KDN kan terus membara,  
Moga Malaysia cemerlang dan damai.*

**Sekian.**

**Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.**